

**PENGALIRAN BERITA ANTARABANGSA: SATU KAJIAN
TERHADAP LAPORAN KEJADIAN 13 MEI, 1969
OLEH AKHBAR BARAT**

MOHD. SAFAR HASIM

SYNOPSIS

Western media have been charged by the Third World for highlighting negative stories and not positive ones when reporting their countries. The study carried out on the reportage by four Western newspapers on the May 13, 1969 rioting incident in Kuala Lumpur, a negative event, had enhanced this charge. Before the incident, there was hardly any news on Malaysia. However, this situation changed drastically with the incident. Malaysia disappeared once more from the pages of Western press when the situation returned to normal. This study also showed that usage of negative items was higher than neutral ones which was mainly due to the fact that there was a certain newspaper which used too many negative news. The other three newspapers, however, were more prone to use neutral stories, apart from negative items. From Third World viewpoint, Western media stand condemned and the reportage of such incident helps strengthened the Third World's quest for a new world information and communication order.

SINOPSIS

Media Barat sering dituduh menonjolkan perkara-perkara negatif apabila melaporkan negara Dunia Ketiga, walaupun banyak perkara positif yang boleh dilaporkan. Dalam kajian yang dijalankan terhadap liputan berita oleh empat buah akhbar Barat mengenai kejadian rusuhan 13 Mei, 1969 di Kuala Lumpur, iaitu satu peristiwa negatif, didapati antara lainnya telah memperteguhkan tuduhan ini. Sebelum kejadian itu, boleh dikatakan tidak ada berita tentang Malaysia dalam akhbar-akhbar Barat yang dikaji. Tetapi perkara ini bertukar dengan mendadak apabila berlakunya kejadian 13 Mei. Selepas kejadian itu pulih Malaysia hilang semula dari dada akhbar Barat. Kajian ini juga mendapati bahawa penggunaan berita negatif adalah lebih tinggi daripada berita seimbang semata-mata kerana ada akhbar tertentu yang menggunakan terlalu banyak berita negatif. Tiga akhbar lain yang dikaji lebih cenderung meng-

gunakan berita yang seimbang, walaupun berita negatif juga digunakan. Dari kaca mata Dunia Ketiga, media Barat adalah tercemar dan laporan kejadian beginilah yang memperkuat usaha Dunia Ketiga memperjuangkan kewujudan satu orde baru maklumat dan komunikasi dunia (new world information and communication order).

PENGENALAN

Dalam kontroversi untuk mewujudkan satu orde baru maklumat dan komunikasi antarabangsa, media Barat telah dikecam kerana wujudnya ketidakseimbangan dalam pengaliran berita antara negara-negara Dunia Ketiga dan Dunia Pertama. Media Barat juga dikecam kerana melaporkan hanya berita yang negatif dan memutarbelitkan fakta tentang Dunia Ketiga seperti berita-berita krisis dan malapetaka. Sebaliknya, perkara positif seperti berita pembangunan tidak diberikan perhatian.

Beberapa kajian mengenai trend umum pengaliran dan kandungan berita telah dijalankan (Schramm & Atwood 1981; Stevenson & Shaw 1984). Kajian ini adalah berbeza daripada kajian-kajian yang pernah dijalankan kerana ia menumpukan kepada suatu kejadian yang khusus untuk melihat bagaimana akhbar Barat melaporkannya.

Kejadian rusuhan 13 Mei 1969, suatu peristiwa negatif, dipilih untuk menjadi bahan kajian ini kerana ia mengandungi unsur kecaman yang didakwa oleh negara-negara Dunia Ketiga. Laporan akhbar asing mengenai peristiwa 13 Mei telah menimbulkan kemarahan Perdana Menteri Malaysia ketika itu, Tunku Abdul Rahman Putra alHaj, hinggakannya beliau membawa perkara tersebut ke forum dunia yang tertinggi iaitu Persidangan Agung Bangsa-bangsa Bersatu, dalam bulan September 1969. Beliau memberitahu Persidangan tersebut bahawa sebarang gosip atau khabar angin yang didengar oleh wartawan Barat dari tepi jalan, dari orang yang tidak bertanggungjawab (*hooligans*) dan lebih-lebih lagi musuh negara (komunis) telah dijadikan berita oleh mereka untuk disampaikan kepada pembaca negara-negara mereka (Mansoor 1975).

Aduan seumpama inilah yang akhirnya berkembang menjadi perbahasan untuk mewujudkan orde baru maklumat dan komunikasi dunia (*new world information and communication order*).

TUJUAN DAN KAEDAH KAJIAN

Kajian ini cuba melihat bagaimana akhbar Barat melaporkan kejadian 13 Mei itu. Untuk tujuan ini dua buah akhbar Amerika

Syarikat iaitu *The New York Times* dan *The Washington Post* dan dua buah akhbar Britain iaitu *The Times* (termasuk *The Sunday Times*) dan *The Guardian* telah dipilih untuk dikaji kerana akhbar-akhbar ini merupakan akhbar berpengaruh dan dibaca oleh pemimpin kerajaan dan ahli perniagaan di negara berkenaan. Dari segi tempoh liputan, laporan bagi seluruh bulan Mei iaitu dari 1 hingga 31 Mei telah digunakan untuk melihat pengaliran maklumat sebelum dan selepas peristiwa 13 Mei tersebut. Liputan ini mengambilkira semua laporan yang berkaitan dengan kejadian tersebut, termasuk yang dilaporkan dari luar Malaysia.

Kajian ini menggunakan analisis isikandungan yang melihat aspek kuantitatif dan kualitatif liputan rusuhan tersebut. Untuk tujuan analisis kualitatif, perbandingan dibuat dengan *Keesing's Contemporary Archives* dan *Facts-on-File* yang melaporkan kejadian tersebut secara objektif. Perbandingan juga dibuat dengan beberapa buah buku yang ditulis tentang peristiwa tersebut (Tunku Abdul Rahman 1969; Slimming 1969; Goh C. T. 1971; Shaw 1976; Comber 1983). Sebarang item — berita, rencana, rencana pengarang, dan surat daripada pembaca — mengenai kejadian 13 Mei ini dikaji berdasarkan dari mana ia dilaporkan, siapa yang melaporkannya dan sumber berita. Setiap item juga dilihat sama ada ia berita biasa, berita/rencana interpretasi, atau rencana pendapat. Kandungan dan tajuk berita pula dilihat dari segi sama ada ianya positif, negatif atau seimbang.

KEJADIAN 13 MEI 1969

Sebelum diteruskan perbincangan eloklah disentuh sedikit mengenai Kejadian 13 Mei yang menjadi pokok kajian kertas ini. Kejadian ini merupakan satu rusuhan antara orang Melayu dan Cina yang disertai juga oleh orang India yang berlaku di Kuala Lumpur pada malam 13 Mei berikutan pilihanraya umum ketiga. Dalam pilihanraya tersebut, yang berlangsung pada 10 Mei, Parti Perikatan kembali berkuasa tetapi dengan jumlah kerusi yang berkurangan dalam Parlimen. Di Semenanjung Malaysia sebanyak 103 kerusi Parlimen ditandingkan (sebuah kerusi ditangguh pengundian kerana seorang calon meninggal dunia). Dari jumlah tersebut Parti Perikatan memperoleh 66 kerusi (51 Melayu, 13 Cina, dan 2 India) berbanding dengan 89 (59 Melayu, 27 Cina dan 3 India) dalam Parlimen yang lalu*. Bagaimanapun, oleh kerana 10 orang calon Perikatan di Sabah menang tanpa bertanding, kerusi Perikatan dalam Parlimen

*Parti Perikatan dikenali sebagai Barisan Nasional mulai 1974 apabila beberapa buah parti lain bergabung dengannya.

yang baru ialah 76, yang merupakan satu majoriti. Dari jumlah 37 kerusi yang dimenangi oleh parti-parti pembangkang, DAP memenangi 13 kerusi, PAS 12, Gerakan Iapan, dan Parti Progresif Rakyat empat. Pengundian di Sabah dan Sarawak dijalankan secara berperingkat-peringkat. (Akibat kekacauan itu pilihanraya di Sabah dan Sarawak ditangguhkan)

Sokongan kepada Parti Perikatan juga didapati merosot di peringkat negeri. Sebelum pilihanraya Parti Perikatan menguasai 10 dewan undangan negeri di Semenanjung Malaysia, tetapi selepas pilihanraya ianya hanya dapat menguasai tujuh dewan undangan negeri sahaja.

Satu daripada ciri penting pilihanraya tersebut ialah merosotnya sokongan orang Cina terhadap MCA, sebaliknya undi Cina beralih kepada DAP. Begitu juga undi Melayu banyak yang lari kepada PAS, MCA yang merasa parti itu ditolak oleh orang Cina telah menarik diri dari menyertai kerajaan, walaupun ia menjadi penyokong dalam Parlimen.

Berikutan pilihanraya itu dua perarakan diadakan oleh parti pembangkang dan penyokong parti pemerintah bersiap sedia untuk berarak pada malam 13 Mei apabila kekacauan meletus. Keadaan di Kuala Lumpur sebenarnya sudah tegang berikutan perarakan pengkebumian seorang ahli Parti Buruh yang ditembak mati oleh polis dalam satu peristiwa di Kepong. Kejadian rusuhan yang bermula pada 13 Mei berakhir 6 hari kemudian.

Menurut laporan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN 1969), 196 orang terbunuh sepanjang tempoh kejadian tersebut, iaitu 25 orang Melayu, 143 orang Cina, 13 orang India dan 15 tidak dikenali. Sejumlah 9,143 orang telah ditangkap — 2,077 orang Melayu, 5,126 orang Cina, 1,874 orang India dan 66 lain-lain. Sejumlah 5,561 orang didakwa di mahkamah kerana berbagai kesalahan termasuk melanggar perintah berkurung — 1,133 daripadanya Melayu, 2,097 Cina, 1,470 India dan 51 lain-lain. Menurut laporan tersebut (sehingga 31 Julai 1969) 40 orang Melayu dan lima orang Cina telah didakwa kerana membunuh dan membakar. Kejadian ini telah memberi impak yang kuat terhadap politik Malaysia.

PENEMUAN

1/ *Penggunaan Berita Sebelum dan Selepas 13 Mei Malaysia* mendapat liputan besar berikutan peristiwa 13 Mei. Sebelum peristiwa ini berita tentang Malaysia jarang sekali digunakan dalam akhbar-akhbar luar negeri. Bagi seluruh bulan Mei 1969, sebanyak 78 item digunakan oleh keempat-empat akhbar, 73 daripadanya adalah berkaitan dengan kejadian 13 Mei. *The Times* adalah peng-


guna paling banyak iaitu 30 item (38.5 peratus), diikuti oleh *The New York Times* dengan 23 item (29.5 peratus), *The Guardian*, 13 item (16.6 peratus) dan *The Washington Post* 12 item (15.4 peratus).

Sebelum peristiwa rusuhan berlaku ada sembilan buah berita dalam akhbar-akhbar yang dikaji, bagaimanapun tujuh atau 77.8 peratus daripadanya adalah berkaitan dengan pilihanraya yang sedang berlangsung. Kesemua berita pilihanraya ini dikira sebagai berita yang berkaitan dengan peristiwa 13 Mei kerana kejadian yang berlaku sebelum ini mempunyai hubungan dengan kejadian rusuhan berikutnya (Jadual 1 dan Rajah 1).

JADUAL 1. Liputan Tentang Malaysia Dalam Empat Akhbar – Sebelum dan Selepas Kejadian 13 Mei (Dalam Peratusan, N=78)

Akhbar	Sebelum 1-13 Mei	Selepas 14-31 Mei	Jumlah
<i>The New York Times</i>	1.3	28.2	29.5
<i>The Washington Post</i>	2.5	12.8	15.3
<i>The Times</i>	6.4	32.1	38.5
<i>The Guardian</i>	1.3	15.4	16.7
Jumlah	11.5	88.5	100.0

The Washington Post, misalnya, pada 5 Mei menyiarkan tentang peristiwa polis menembak seorang pekerja parti politik kiri yang ditemui menulis slogan memboikot pilihanraya. Akhbar tersebut menyiarkan pada 10 Mei ulasan tentang pilihanraya yang menurutnya sangat berbau perkauman. *The Times* menyiarkan berita perarakan membawa jenazah pemuda yang mati ditembak polis. Akhbar tersebut juga menyiarkan laporan khas daripada wartawannya Fred Emery, yang berpejabat di Singapura, tentang kempen pilihanraya di Kelantan dan Pulau Pinang yang menurutnya cukup bersifat perkauman. *The New York Times* menyiarkan berita keputusan pilihanraya yang menunjukkan pengaruh Parti Perikatan merosot, sambil menerangkan parti itu ke hilangan tiga orang menteri kabinet dan tewas di Pulau Pinang.



RAJAH 1: Liputan Tentang Malaysia dalam Akhbar Barat
(Sebelum dan Selepas Kejadian 13 Mei)

Kebanyakan berita awal ini adalah laporan agensi-agensi berita antarabangsa. Selain wartawan sendiri, ada beberapa berita yang dikirim oleh pemberita sambilan.

Selepas kejadian ini terdapat 69 buah berita (88.5 peratus), tetapi hanya tiga buah item yang tidak berkaitan dengan peristiwa ini. Ketiga-tiga item ini adalah berita ringkas. Pola liputan ini dengan jelas menunjukkan bahawa kejadian negatif mendapat tempat dalam liputan akhbar Barat. Ini mengesahkan kenyataan pemimpin-pemimpin Dunia Ketiga bahawa negara mereka hanya mendapat liputan apabila ada kejadian buruk berlaku di negara mereka.

Perbincangan seterusnya akan ditumpukan kepada berita yang berkaitan dengan peristiwa 13 Mei sahaja.

2/ *Penempatan Berita*: Krisis 13 Mei adalah suatu kejadian besar dari segi liputan berita, tetapi ia bukanlah berita yang begitu besar hingga menjadi berita utama di muka depan akhbar-akhbar Barat. Tidak sebuahpun akhbar yang dikaji menggunakan

berita kejadian 13 Mei sebagai berita utama. Bagaimanapun, sembilan item (12.3 peratus) digunakan pada muka hadapan tetapi sebagai berita sekunder, iaitu berita yang lebih kecil daripada berita utama. Inipun sudah cukup utama bagi akhbar-akhbar ini kerana sayugia diingat bahawa lebih banyak peristiwa penting dan yang lebih besar sedang berlaku ketika itu di seluruh dunia. Ini termasuklah peperangan di Vietnam, tunjuk perasaan di kampus-kampus di Amerika kerana membantah penglibatan Amerika di Vietnam dan persediaan untuk melancarkan tiga orang angkasawan ke angkasalepas. Peristiwa-peristiwa tersebut lebih bererti kepada rakyat Amerika khususnya.

Bagi seluruh tempoh kejadian itu, *The New York Times* menggunakan tiga item sebagai berita sekunder muka depan, *Washington Post* satu, *The Times* tiga item dan *The Guardian* dua item (Jadual 2).

JADUAL 2. Penempatan Item Berita 13 Mei Oleh Akhbar
(Dalam Peratusan, N = 73)

Akhbar	Muka Depan		Muka Dalam	Jumlah
	Utama	Sekunder		
The New York Times	0.0	4.2	26.0	30.2
The Washington Post	0.0	1.3	15.1	16.4
The Times	0.0	4.1	31.5	35.6
The Guardian	0.0	2.7	15.1	17.8
Jumlah	0.0	12.3	87.7	100.0

Tiga buah akhbar – *The Washington Post*, *The Times* dan *The Guardian* – menggunakan letusan kekacauan hari pertama sebagai berita sekunder muka depan dalam edisi 14 Mei. *The New York Times* menggunakannya di muka 6. Bagaimanapun, liputan *The New York Times* adalah yang paling menyeluruh bagi kejadian hari pertama itu. Kesemuanya diletakkan di muka 6. Akhbar tersebut menggunakan berita Reuter mengenai kejadian itu dengan menyertakan sebuah peta Asia Tenggara menunjukkan lokasi Malaysia. *The New York Times* juga memberikan latarbelakang Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman dalam ruangan Orang Di sebalik Berita dengan menyertakan gambarnya. *The Times* menyiarakan tiga buah item, rencana (latarbelakang) dan rencana

pengarang. *The Guardian* menyiarkan sebuah berita dan rencana pengarang.

Walaupun *The New York Times* tidak menyiarkan berita kejadian hari pertama di muka depan, tetapi pada keseluruhannya liputan akhbar tersebut memberi gambaran yang paling lengkap dibandingkan dengan akhbar-akhbar lain. Apabila keadaan bertambah buruk, *The New York Times* menyiarkan tiga buah lagi berita sekunder muka depan iaitu sama dengan *The Times*. Penempatan berita di muka depan ini hanya berlaku dalam masa enam hari pertama kejadian atau bersamaan dengan keadaan kemuncak buruknya kejadian itu. Tetapi apabila keadaan kembali pulih, semua berita hanya ditempatkan di muka dalam. *The New York Times* menggunakan berita sekunder muka depan dalam edisi 15, 17 dan 18 Mei, manakala *The Washington Post* pada 14 Mei, *The Times* 14, 16 dan 19 Mei dan *The Guardian* pada 14 dan 16 Mei.

3/ *Tempat Kiriman Berita (Dateline)*: Andaian am yang dibuat ialah sesuatu berita mungkin lebih tepat jika wartawan ada di tempat kejadian melaporkan sesuatu peristiwa, kerana kecenderungan untuk melakukan kesilapan adalah lebih besar jika wartawan yang melaporkan kejadian itu berada jauh daripada tempat kejadian. Bahagian ini cuba melihat dari mana kebanyakan berita mengenai kejadian 13 Mei dikirimkan. Untuk tujuan tersebut, item berita dikenalpasti sebagai berita yang dikirim dari Kuala Lumpur dan bandar-bandar lain dalam Malaysia, manakala yang dilaporkan dari luar Kuala Lumpur dikira sebagai Bukan-Kuala Lumpur, dan rencana pengarang, surat pembaca dan rencana diletakkan di bawah Tidak-Bertempat (Jadual 3).

JADUAL 3. Item Mengikut Tempat Laporan Dikirimkan
(Dalam Peratusan, N = 73)

Akhbar	Kuala Lumpur	Bukan Kuala Lumpur	Tidak Bertempat	Jumlah
The New York Times	19.2	2.7	8.3	30.2
The Washington Post	16.4	0.0	0.0	16.4
The Times	20.5	8.3	6.8	35.6
The Guardian	11.0	4.1	2.7	17.8
Jumlah	67.1	15.1	17.8	100.0

Sebagaimana yang dapat dilihat dalam Jadual 3, sebahagian besar berita berpunca dari Kuala Lumpur iaitu 49 item (67.1 peratus) berbanding dengan 11 item (15.1 peratus) sahaja yang dikirimkan dari luar, manakala yang Tidak-Bertempat berjumlah 13 item (17.8 peratus). Daripada jumlah tersebut hanya tiga buah berita item yang diliput dan dikirim dari luar. (Selebihnya ialah lima buah berita yang dikirim dari Singapura dan Bangkok oleh para wartawan yang sebelumnya meliput kejadian itu, sebuah ialah berita agensi AFP yang dikirim dari Hong Kong yang merupakan selaran Peking terhadap kerajaan Malaysia berhubung dengan kejadian 13 Mei itu dan dua buah item ialah mengenai pengukuhan angkatan tentera Malaysia berikutan kejadian 13 Mei, yang berpunca dari London.) Dua daripada tiga berita di atas terdapat dalam *The Times* dan sebuah dalam *The Guardian*. Bagaimanapun, wartawan-wartawan daripada kedua-dua akhbar ini bergegas ke Kuala Lumpur untuk membuat laporan selanjutnya. Dalam laporan awalnya, *The Times* cuba memberi laporan yang agak dramatik mengenai kejadian itu. Laporan *The Times* dari Singapura berbunyi: "Ketegangan antara orang Melayu dan Cina yang meningkat dalam kempen dan keputusan pilihanraya, menyebabkan pertumpahan darah dan kebakaran yang meluas malam tadi di tengah-tengah Kuala Lumpur, ibu negara Malaysia, dan di negeri Selangor yang berhampiran" (*The Times* 14 Mei 1969:1). Seterusnya, laporan *The Times* menyatakan: "Pada satu peringkat hampir kesemua kenderaan yang bergerak di ibu negara dilontar botol dan batu." Bagaimanapun, maklumat ini adalah tidak tepat, kerana kejadian awal tertumpu kepada dua kawasan sahaja. Sambil mengakui bahawa wartawan itu tidak mengetahui dengan jelas bagaimana kejadian itu bermula, laporan dari Singapura itu seterusnya menyebut: ". . . tetapi ia nampaknya bermula daripada perarakan Parti Melayu (dalam) Kerajaan yang melalui kawasan tengah Kuala Lumpur petang kelmarin sebagai balasan kepada perarakan berkereta oleh pemimpin-pemimpin pembangkang pada hari Isnin untuk mengucapkan terima kasih kerana memilih mereka." Maklumat ini tidak tepat kerana, sebagaimana yang diketahui kemudiannya, memang ada perkumpulan tetapi perarakan belum berlaku apabila kecauan meletus.

Mengenai permulaan kejadian, *The Guardian* (14 Mei 1969:1), yang melaporkan dari Singapura menyatakan: "Adalah dilaporkan bahawa rusuhan itu bermula apabila sekumpulan belia Cina memberhentikan dua buah lori dalam satu kawasan Melayu, menyuruh penumpangnya keluar, lalu membakar lori-lori tersebut."

Akhbar *The Times* dan *The Guardian* mempunyai maklumat yang berbeza terhadap bagaimana kejadian 13 Mei bermula. La-

poran kerajaan mengenai kejadian itu menyebut bahawa ia bermula di Setapak, beberapa batu dari himpunan orang ramai yang berkumpul di hadapan rumah Menteri Besar untuk menyertai satu perarakan. Kejadian di Setapak bermula (berdasarkan laporan saksi kejadian itu kepada polis) apabila orang Melayu dan Cina yang dalam perjalanan ke rumah Menteri Besar telah diejek oleh sekumpulan Cina yang lain, dan oleh kerana suasana sememangnya tegang berikutan perarakan pembangkang sejak dua hari sebelumnya, kekacauan terus tercetus. (Orang Cina yang berada dalam kumpulan orang Melayu itu sebenarnya adalah anggota MCA, dan mereka diserang oleh orang Cina dalam parti pembangkang). Beberapa orang Melayu dalam kumpulan tersebut telah pergi ke rumah Menteri Besar dan melaporkan bahawa kekacauan telah berlaku di Setapak. Berikutan dengan itu orang Melayu yang berkumpul di rumah Menteri Besar telah mengamok dan mula menyerang orang Cina (MAGERAN 1969).

The Times melaporkan bahawa 30 orang dikhuatiri mati di kawasan Kuala Lumpur sahaja. Laporan itu memberi gambaran bahawa ada kejadian lain berlaku di luar Kuala Lumpur. Bagaimanapun, kejadian hari pertama hanya melibatkan Kuala Lumpur. Angka kematian yang digunakan oleh *The Guardian* ialah 50 orang. Perbezaan ini mungkin disebabkan masa kiriman berita yang berbeza. Misalnya, akhbar Amerika yang menggunakan laporan agensi berita menyebut 20 orang terbunuh.

Laporan *The Times* dan *The Guardian* di atas yang dibuat dari Singapura menunjukkan bahawa adalah sukar untuk mendapatkan maklumat yang tepat jika wartawan itu berada jauh dari tempat kejadian. Laporan *The Times* cuba membesarkan kejadian itu dari sepatutnya. Perbezaan laporan antara *The Times* dan *The Guardian* mungkin disebabkan oleh keadaan yang tidak keruan.

Sebagaimana yang dinyatakan di atas sebahagian besar item adalah diliput dan dikirim dari Kuala Lumpur. Akhbar yang paling banyak menggunakan item yang berpunca dari Kuala Lumpur ialah *The Times* (20.5 peratus). Ia diikuti oleh *The New York Times* (19.2 peratus), *The Washington Post* (16.4 peratus) dan *The Guardian* (11.0 peratus). Ini menunjukkan bahawa kesemua akhbar tersebut berusaha untuk mendapatkan maklumat daripada tempat kejadian, sama ada dengan membuat liputan sendiri atau bergantung kepada agensi berita. Sejauhmana laporan dan jarak dari tempat kejadian memberi kesan terhadap kandungan akan dilihat apabila perbincangan dibuat terhadap kandungan.

4/ *Punca Laporan*: Pada keseluruhannya jumlah berita yang dihasilkan oleh wartawan akhbar adalah lebih banyak digunakan berbanding dengan laporan berita agensi antarabangsa. Ini dapat di-

mengerti kerana biasanya akhbar akan mengutamakan berita yang dikirimkan oleh wartawannya sendiri. Akhbar *The Times* paling banyak menggunakan berita yang dikirimkan oleh wartawannya sendiri iaitu 24.7 peratus, diikuti oleh *The New York Times* 12.3 peratus dan *The Guardian* 8.2 peratus (Jadual 4).

Dari kalangan agensi berita, Reuter merupakan agensi yang paling banyak digunakan termasuk oleh akhbar-akhbar Amerika, walaupun agensi berita UPI dan AP, kedua-duanya agensi berita Amerika Syarikat yang mempunyai wakil di Malaysia turut membuat liputan. *The Times* didapati sedikit sekali bergantung kepada agensi berita berbanding dengan akhbar lain. Liputan *The New York Times* dan *The Guardian* pula mengandungi hampir sama banyak berita wartawan sendiri dan berita agensi.

JADUAL 4. Penggunaan Berita Antara Wartawan dan Agensi Berita
(Dalam Peratusan, N = 73)

Akhbar	Wartawan Sendiri	Agensi Berita	Lain	Jumlah
The New York Times	12.3	12.3	5.5	30.2
The Washington Post	1.4	15.1	0.0	16.4
The Times	24.7	4.1	6.8	35.6
The Guardian	8.2	6.8	2.7	17.8
Jumlah	46.6	38.3	15.1	100.0

Pada keseluruhannya liputan *The Times*, yang dibuat oleh wartawannya sendiri, didapati lebih tegas daripada *The Washington Post*, yang bergantung kepada agensi berita. Ketegasan liputan dua buah akhbar lain yang dikaji adalah terletak di antara *The Times* dan *The Washington Post*. Misalnya wartawan Fred Emery, yang hanya menulis untuk akhbaranya, *The Times*, dapat menggunakan laporan orang pertama dan dengan tegas menyatakan: "Saya mempunyai maklumat dari pihak yang boleh dipercayai bahawa jumlah kematian sekarang ini melebihi 100 orang . . ." (15 Mei 1969:4) apabila beliau melaporkan kejadian pada hari kedua. Apabila kerajaan menarik balik pas perintah berkurung (yang membolehkan wartawan bebas membuat liputan walaupun perintah berkurung berkuatkuasa) Fred Emery merasa perlu mengingatkan pembacanya supaya berwaspada dengan laporannya: "Mulai hari ini saya hanya melaporkan khabar angin rasmi

kerana pas perintah berkurung telah ditarik balik daripada pe-
warta luar negeri kerana menurut Tun Razak (Timbalan Perdana
Menteri dan Pengarah Majlis Gerakan Negara) laporan yang dihantar
oleh wartawan asing adalah tidak betul." (*The Times* 19 Mei
1969:1).

The Times juga cuba menyoal kerajaan kerana tidak mema-
sukkan etnik Cina dalam Kabinet (walaupun itu adalah permintaan
MCA sendiri) dan mengkritik kerajaan kerana tidak memberikan
masa di Radio dan TV Malaysia kepada pemimpin pembangkang
"yang suara mereka sangat penting didengar," sebagaimana yang
tersiar dalam edisi 15 Mei. Begitu juga, pada 19 Mei, apabila ke-
rajaan memasukkan seorang Cina dan India dalam Majlis Gerakan
Negara. *The Times* mensifatkannya sebagai "tanda yang meng-
galakkan."

Jika dibandingkan liputan yang dibuat oleh agensi berita
antarabangsa, yang mengelakkan penggunaan orang pertama atau
laporan yang terlalu berbau pendapat, dengan liputan wartawan
akhbar jelas didapati bahawa versi yang ditulis oleh wartawan
akhbar adalah lebih dramatik dan lebih kritikal daripada versi
yang ditulis oleh agensi berita. Akibatnya pihak berkuasa ter-
paksa bertindak terhadap wartawan akhbar. (Sekurang-kurangnya
sekali pihak berkuasa hanya memanggil wartawan agensi berita
luar negeri, dan tidak wartawan akhbar luar negeri, untuk meng-
hadiri persidangan akhbar).

Hasilnya wartawan akhbar menulis berita interpretasi, iaitu
lebih daripada hanya memberikan fakta dengan cuba menjelaskan
kejadian yang dilaporkan sebagaimana yang dilihat oleh wartawan
akhbar berkenaan. Dalam proses tersebut nilai-nilai mereka dan
peranan adversari akhbar sebagaimana yang difahami di Barat
telah dimasukkan.

JADUAL 5. Item Mengikut Kategori (Dalam Peratusan, N = 73)

Akhbar	Berita	Interpretasi	Pendapat	Jumlah
The New York Times	6.8	19.3	4.1	30.2
The Washington Post	15.1	1.3	0.0	16.4
The Times	5.5	23.3	6.8	35.6
The Guardian	4.1	11.0	2.7	17.8
Jumlah	31.5	54.9	13.6	100.0

Kajian ini juga mendapati bahawa lebih banyak berita interpretasi disiarkan oleh akhbar berbanding dengan berita lurus (*straight news*) (Jadual 5). Didapati *The New York Times* dan *The Times* mendahului akhbar-akhbar yang lain dalam menggunakan berita interpretasi yang dibekalkan oleh wartawan mereka sendiri dan juga oleh agensi berita. *The Washington Post* dan *The Guardian* pula didapati menyiarkan jumlah yang hampir sama antara berita biasa dan interpretasi. Akibatnya, seseorang pembaca akan mendapati keseluruhan liputan *The Washington Post* dan *The Guardian* adalah lebih sederhana berbanding dengan dua akhbar lain iaitu *The New York Times* dan *The Times*.

Berikutan dari tindakan menarik balik pas perintah berkurung dari wartawan asing, kerajaan telah memperkenalkan peraturan menapis berita, pada 21 Mei, yang melibatkan penerbitan dalam dan luar negeri. Pada 22 Mei, *The Times* melaporkan bahawa majalah Amerika, *Time* dan *Newsweek*, telah ditahan untuk diperiksa isinya, dan akhbar *The Times* tidak dibenarkan edarannya sejak kekacauan berlaku. Sekatan yang sama juga telah dikenakan terhadap akhbar *Daily Telegraph* dan *Financial Times*. Pada 25 Mei, *The Washington Post* menyiarkan sebuah berita Reuter yang menyatakan bahawa kerajaan telah menghamkan edisi terbaru penerbitan luar negeri kerana gagal memberi gambaran yang sebenar mengenai kejadian itu. Laporan itu tidak menyebut nama penerbitan yang terlibat.

Di kalangan agensi berita didapati agensi berita Reuterlah yang banyak sekali digunakan oleh keempat-empat akhbar yang dikaji iaitu 15 item sementara agensi berita Perancis, AFP, merupakan yang kedua banyak digunakan dengan 8 item. Agensi berita UPI dan AP, kedua-duanya agensi Amerika Syarikat, adalah paling sedikit digunakan. Lima buah item, tiga dalam *The New York Times* dan dua dalam *The Times* tidak dapat dipastikan siapa yang melaporkannya.

Tiga buah akhbar mendapati krisis di Malaysia begitu penting kepada akhbarnya sehingga sanggup menghantar wartawannya sendiri untuk melaporkan kejadian itu, iaitu *The Times* dan *The Guardian* dari Singapura dan *The New York Times* dari Bangkok. *The Washington Post* sebaliknya pula, hanya bergantung kepada agensi berita.

5/ *Tajuk Berita*: Oleh kerana Peristiwa 13 Mei adalah suatu peristiwa negatif, bolehlah diandaikan bahawa akhbar-akhbar akan memberi tajuk berita yang negatif. Andaian ini didapati benar apabila tajuk berita dianalisis selanjutnya. Ternyata sebahagian besar tajuk berita yang disiarkan adalah berbentuk negatif, diikuti dengan tajuk berita yang seimbang dan sedikit

yang berbentuk positif (Jadual 6). Apa yang jelas di sini ialah walaupun peristiwa yang dilaporkan oleh akhbar-akhbar itu sesuatu yang negatif tetapi bukan semua tajuk beritanya berbentuk negatif. Didapati tajuk berita yang seimbang juga adalah besar jumlahnya iaitu 30 peratus, malah ada juga tajuk berita yang positif iaitu 9.6 peratus.

JADUAL 6. Tajuk Berita Mengikut Arah (Dalam Peratusan, N = 73)

Akhbar	Positif	Negatif	Seimbang	Jumlah
The New York Times	5.5	17.8	6.9	30.2
The Washington Post	0.0	11.0	5.4	16.4
The Times	2.7	23.3	9.6	35.6
The Guardian	1.4	8.2	8.2	17.8
Jumlah	9.6	60.3	30.1	100.0

Sebagai contoh, tajuk berita positif dapat dilihat dalam *The New York Times* apabila ia menulis tentang Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman sebagai pengusaha perpaduan (*Malaysian Unity Seeker* 14 Mei); ataupun Pemimpin Malaysia Penuh Harapan Yang Rusuhan Akan Berakhir Segera (*Malaysian Leader is Hopeful; Forsees End of Rioting Soon*, 18 Mei). Contoh tajuk berita yang seimbang pula ialah Komunis atau Kaum (*Communism or Race*, *The Times* 21 Mei) dan Rusuhan Di Malaya beransur pulih (*Malaya riots waning*, *The Gaurdian* 19 Mei). Antara contoh tajuk berita yang negatif ialah seperti: Tembakan Ganas Tentera (*Army's Wild Shooting*, *The Times* 15 Mei; Kacau bilau Di Malaysia (*Terror in Malaysia*, *The New York Times* 20 Mei).

6/Kandungan: Seperti tajuk berita, kandungan berita terhadap peristiwa negatif dijangka akan mengutarakan lebih banyak aspek negatif. Analisis yang dibuat terhadap kandungan menunjukkan walaupun isi berita yang tersiar dalam keempat-empat akhbar yang dikaji keseluruhannya lebih bercorak negatif, ia tidak dominan. Ini adalah kerana kandungan yang bercorak seimbang adalah hampir sama banyaknya dengan yang negatif; apatah lagi ada pula yang bercorak positif (Jadual 7). Walau bagaimanapun, Jadual 7 juga menunjukkan bahawa jika akhbar-akhbar yang dikaji dianalisis secara berasingan didapati hanya sebuah akhbar


iaitu *The Times* yang ketara menonjolkan item negatif. Sementara akhbar-akhbar lain, lebih berkecenderungan menyiarkan berita seimbang. Ini mungkin kerana akhbar-akhbar tersebut banyak juga menggunakan berita agensi antarabangsa, yang jumlah berita negatif dan seimbang hampir sama banyaknya.

Satu percubaan telah dibuat untuk melihat hubungan antara tempat liputan dengan kandungan. Hasil yang didapati seperti dalam Rajah 2 menunjukkan bahawa berita negatif yang dilaporkan dari Kuala Lumpur adalah lebih rendah peratusnya jika dibandingkan dengan yang dilaporkan dari luar Kuala Lumpur. Di samping itu sebahagian kecil (10 peratus) juga mengandungi unsur positif. Ini bermakna laporan dari tempat kejadian adalah lebih baik sedikit mungkin kerana para wartawan dapat bertemu dengan banyak sumber atau dapat melihat kejadian itu dengan sendiri dan bertindak lebih bertanggungjawab. Sebaliknya, laporan yang dikirim dari luar mungkin lebih berani atau bebas untuk menyatakan sesuatu tanpa perlu memperhitungkan tanggungjawab dan implikasinya. Lebih jelas lagi ialah tidak ada langsung item positif dari yang dilaporkan dari luar Kuala Lumpur manakala laporan dari Kuala Lumpur ada walaupun jumlahnya cuma 10.2 peratus.

JADUAL 7. Kecondongan Kandungan Berita 13 Mei
(Dalam Peratusan, N = 73)

Akhbar	Positif	Negatif	Seimbang	Jumlah
The New York Times	2.7	11.0	16.5	30.2
The Washington Post	0.0	8.2	8.2	16.4
The Times	1.4	21.9	12.3	35.6
The Guardian	0.0	8.2	9.6	17.8
Jumlah	4.1	49.3	46.6	100.0

Pada amnya wartawan akhbar lebih cenderung menulis berita yang bersifat negatif. Agensi berita juga menghasilkan banyak berita negatif tetapi ini diimbangi dengan berita seimbang yang hampir sama banyak (Rajah 3). Walau bagaimanapun, apa yang menarik ialah peratus tajuk berita yang negatif adalah lebih tinggi daripada kandungannya. Ini mungkin kerana tajuk berit




RAJAH 2: Perbandingan Kandungan Item Berdasarkan Tempat (Liputan Kejadian 13 Mei)

yang perlu ditulis secara ringkas dan padat tidak dapat memberi gambaran yang seimbang, atau mungkin tajuk berita ditulis sedemikian rupa untuk menarik minat para pembaca (Rajah 4). Sebaliknya, kandungan berita adalah lebih panjang daripada tajuk berita dan ini membolehkan wartawan memasukkan fakta dan isi yang difikirkan perlu.

RUMUSAN

Pada amnya Malaysia hanya mendapat tempat dalam akhbar luar negeri, khususnya akhbar Barat, jika ada peristiwa negatif berlaku. Sebelum Kejadian 13 Mei ada juga berita tentang Malaysia disiarkan tetapi sedikit sahaja jika dibandingkan dengan selepas kejadian tersebut. Apabila keadaan kembali pulih berita tentang Malaysia juga berkurangan dan hanya timbul sekali sekala kemudiannya. Dalam melaporkan kejadian negatif ini, apa yang telah didapati

ialah item yang bercorak negatif lebih banyak tersiar dibandingkan dengan berita seimbang. Namun begitu ada juga berita yang bercorak positif disampaikan mengenai kejadian negatif tersebut.




RAJAH 3: Perbandingan Kandungan Item Liputan Akhbar dan Agensi Berita (Liputan Kejadian 13 Mei)

Melaporkan sesuatu berita yang berkembang dengan cepat adalah sukar, lebih-lebih lagi suatu kejadian yang tidak dikehendaki seperti kejadian rusuhan ini. Dalam krisis yang begini maklumat tentulah tidak terkumpul dan tersusun dan ini menyukarkan wartawan mengumpulkan maklumat yang tepat.

Kajian ini menunjukkan bahawa bukan semua akhbar berusaha menyiarkan berita negatif. Dari empat buah akhbar yang dikaji hanya sebuah iaitu *The Times* yang berbuat demikian. Ini mungkin kerana pada ketika itu Britain masih mempunyai "hang-over" tentang bekas tanah jajahannya. Sebaliknya, akhbar Amerika Syarikat menganggapnya sebagai satu kejadian yang harus diberi liputan. Perbezaan tekanan antara akhbar Amerika dan Britain wujud mungkin kerana "hang-over" ini.

Di samping itu, akhbar yang mengirinkan wartawannya untuk membuat liputan didapati lebih mirip untuk menulis berita yang negatif. Bagi akhbar yang menggunakan agensi berita pula item yang digunakan adalah hampir sama banyak antara negatif dan seimbang. Dari segi kaitan antara tempat liputan dan corak berita pula, didapati liputan yang dibuat dari luar Kuala Lumpur adalah lebih cenderung bercorak negatif daripada yang ditulis dari Kuala Lumpur.



RAJAH 4: Perbandingan Arah Tajuk Berita Dan Kandungannya
(Liputan Kejadian 13 Mei)

Kajian ini mendapati ada benarnya dakwaan bahawa akhbar Barat hanya memberi perhatian kepada Dunia Ketiga jika ada berlaku peristiwa negatif. Bagaimanapun, dalam melaporkan peristiwa itu akhbar Barat, kecuali akhbar tertentu, berusaha memberi laporan yang seimbang dan juga positif selain daripada melaporkan berita yang bercorak negatif.

RUJUKAN

- Comber, L., 1983. *13 May 1969: A Historical Survey of Sino-Malay Relations*, Heinemann Asia, Kuala Lumpur.
- Facts On File*, Mei 15-21, 1969, ms 313-314.
- Goh Cheng Teik, 1971. *The May Thirteenth Incident*, Oxford University Press, Kuala Lumpur.
- Keesing's Contemporary Archives*, June 21-28, 1969, ms 23413.
- Mansoor Ahmad, 1975. *Press Freedom: The Realities – Malaysia's Case*, ms 22-23, Tidak diterbitkan.
- Majlis Gerakan Negara (MAGERAN), 1969. *Trajedi 13 Mei*, Percetakan Kerajaan, Kuala Lumpur.
- Schramm, W. dan E. Atwood, 1981. *Circulation of News In the Third World: A Study of Asia*, The Chinese University Press, Hong Kong.
- Shaw, W., 1976. *Tun Razak: His Life and Times*, Longman Group Ltd. Kuala Lumpur.
- Slimming, J., 1969. *Malaysia: Death of A Democracy*, John Murray, London.
- Stevenson, R. L. dan D. L. Shaw, 1984. *Foreign News and The New World Information Order*, The Iowa State University Press, AMES.
- Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj, 1969, *May 13 Before and After*, Utusan Melayu Malaysia Berhad, Kuala Lumpur.
- Akhbar:
- Tarikh yang dicatatkan di bawah ialah hari berita disiarkan. Dalam kurungan ialah jumlah item yang tersiar pada hari berkenaan jika lebih daripada satu.
- The New York Times, Mei 12, 14(3), 15(2), 16, 17(3), 18(3), 19, 20(2), 21(2), 22, 25, 26(2), 27.
- The Washington Post, Mei 5, 10, 14, 15, 16, 17, 18, 19, 20, 21, 22, 26.
- The Times, Mei 7, 9(2), 10(2), 14(3), 15, 16(2), 18, 19(2), 20, 21(3), 23, 24, 25, 26(2), 27, 28(2), 30, 31(2).
- The Guardian, Mei 12, 14(2), 15, 16, 17, 19, 20, 21, 23, 24, 26, 31.

